Institusi-Institusi Kewangan yang Lain

204 Syarikat Diskaun
204-205 Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen
205-208 Modal Usaha Niaga
208-209 Industri Amanah Saham

Institusi-Institusi Kewangan yang Lain

Syarikat Diskaun

Sebagai sebahagian daripada rangka kerja untuk mewujudkan bank pelaburan, tujuh buah syarikat diskaun yang sedang beroperasi sekarang akan dirasionalisasikan dan digabungkan dengan syarikat broker saham dan broker universal bagi membentuk bank pelaburan. Hasil daripada proses rasionalisasi ini, sumber dan penggunaan dana telah menurun pada tahun 2005. Jumlah sumber yang digembleng oleh syarikat diskaun berkurang sebanyak RM5.9 bilion atau 18.5% (2004: +RM1.7 bilion atau 5.6%). Ini disebabkan terutamanya oleh deposit yang lebih rendah, yang menurun buat pertama kali sejak tahun 1999, sebanyak RM6.2 bilion atau pada kadar tahunan 22% (2004: +RM4.3 bilion atau 18.3%). Sehubungan dengan itu, dari segi penggunaan dana, penempatan antara bank berkurang dengan ketara sebanyak RM5.3 bilion kepada RM6.7 bilion (2004: +RM6.2 bilion kepada RM12 bilion).

Pelaburan dalam sekuriti adalah lebih rendah sedikit pada tahun 2005, iaitu pengurangan sebanyak RM0.5 bilion atau 2.9% (2004: -RM4.1 bilion atau –17.8%). Terdapat perubahan yang ketara dari segi jenis pelaburan yang dibuat oleh syarikat diskaun, dengan pengurangan yang nyata dalam pemegangan penerimaan jurubank (BA) dan sekuriti hutang swasta (PDS). Pegangan BA yang lebih rendah disebabkan oleh hasil instrumen ini yang lebih rendah. Pegangan PDS yang lebih rendah pula, sebahagiannya disebabkan oleh penyelarasan dalam portfolio pelaburan syarikat diskaun, sebagai sebahagian daripada proses rasionalisasinya. Sebaliknya, syarikat diskaun meningkatkan pemegangan sekuriti hutang Kerajaan sebanyak RM1.1 bilion atau pada kadar tahunan 63.2% (2004: +RM0.5 bilion atau 35.7%), terutamanya dalam bentuk Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), dan sebahagian kecil dalam bentuk Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) dan Bil Perbendaharaan (TB). Di samping itu, pelaburan dalam bil Bank Negara Malaysia dan bon Khazanah lebih tinggi pada tahun 2005. Sebagai sebahagian daripada usaha pengagihan semula portfolio, syarikat diskaun juga menambah pemegangan Deposit Instrumen Boleh Niaga (NID), sebanyak RM1 bilion kepada RM1.6 bilion (2004: -RM0.3 bilion kepada RM0.6 bilion).

Pada tahun 2005, aktiviti berasaskan fi bagi syarikat diskaun secara relatif kekal stabil. Syarikat diskaun mengatur, menjadi pengurus utama dan pengurus bersama terbitan PDS yang bernilai RM3.4 bilion (2004: RM3.6 bilion), manakala jumlah yang ditanggung jamin sederhana pada RM0.8 bilion (2004: RM1.5 bilion) bagi 31 terbitan PDS (2004: 32 terbitan).

Jadual 8.1
Syarikat Diskaun: Sumber dan Kegunaan Dana

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun 2005
	2004	2005	
	RM juta		
Sumber:			
Dana modal yang diluluskan	264	-298	2,339
Deposit	4,344	-6,191	21,903
Pinjaman antara bank	-2,944	526	1,141
Lain-lain	38	48	593
Jumlah	**1,702**	**-5,916**	**25,976**
Kegunaan:			
Pelaburan dalam sekuriti:	-4,146	-555	18,554
Sekuriti hutang kerajaan	*475*	*1,140*	*2,943*
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*572*	*686*	*2,093*
Bon Khazanah	*-173*	*251*	*575*
Bil BNM	*-365*	*516*	*516*
Sekuriti hutang swasta	*-3,033*	*-1,527*	*9,370*
Penerimaan jurubank	*822*	*-1,908*	*2,151*
Deposit instrumen boleh niaga	*-289*	*996*	*1,555*
Sekuriti hutang Cagamas	*-1,093*	*33*	*1,109*
Lain-lain	*-491*	*-56*	*335*
Penyimpanan antara bank	6,230	-5,316	6,723
Lain-lain	-382	-45	699
	2003	**2004**	**2005**
Bilangan syarikat diskaun	7	7	7

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Hasil kajian Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa jumlah sumber kumpulan wang simpanan dan pencen mengembang sebanyak 10% kepada RM320.6 bilion pada tahun 2005. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) masih merupakan kumpulan wang yang terbesar, mencakupi 82.3% daripada jumlah dana kumpulan wang simpanan dan pencen. Caruman terkumpul, yang mencakupi 89.9% daripada jumlah sumber kumpulan wang simpanan dan pencen, meningkat 10% pada akhir tahun 2005 (2004: 9%). Kadar peningkatan ini, yang terbesar sejak tahun 2000, terutamanya disebabkan oleh pertambahan ketara dalam caruman baru bersih sebanyak 17% (2004: 3.4%) dan 21.4% dalam dividen yang dikreditkan (2004: 14.8%). Pengeluaran yang lebih rendah sedikit dicatat pada tahun 2005 berbanding dengan pengeluaran pada tahun 2004.

Jadual 8.2
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Penunjuk Terpilih

	2004	2005*a*
	RM juta	
Pada akhir tahun		
Bilangan pencarum ('000)	21,162	21,901
antaranya: KWSP	*10,716*	*11,055*
: PERKESO	*10,239*	*10,627*
Caruman terkumpul	262,039	288,203
Aset	291,493	320,645
antaranya: Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia	*100,318*	*110,947*
Sepanjang tahun		
Caruman baru bersih	12,423	14,531
Caruman kasar	*26,226*	*28,313*
Pengeluaran	*13,803*	*13,783*
Dividen yang dikreditkan	10,705	12,993
Pendapatan pelaburan	13,458	15,561

a Awalan

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Amanah Pencen, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan Estet Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru dan tiga kumpulan wang simpanan dan pencen yang lain.

Sebahagian besar dari peningkatan ketara dalam caruman baru bersih kepada kumpulan wang simpanan dan pencen sebanyak 17% berpunca daripada caruman kasar yang lebih tinggi. Pada tahun 2005, caruman kasar meningkat 8% (2004: 8.2%), mencerminkan pertumbuhan upah dan bilangan pencarum yang mapan. Di samping itu, pengeluaran daripada kumpulan wang simpanan dan pencen menurun sedikit, iaitu sebanyak 0.1% pada tahun 2005 (2004: +12.8%). Namun begitu, pengeluaran daripada KWSP bagi tujuan pelaburan meningkat 15.5%, seiring dengan jualan dana amanah saham yang lebih tinggi pada tahun itu.

Graf 8.1
Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen: Komposisi Aset Utama



Pendapatan pelaburan yang lebih tinggi pada tahun 2005 membolehkan KWSP mengumumkan kadar dividen yang lebih tinggi untuk pencarumnya, iaitu sebanyak 5% (2004: 4.75%), kadar tertinggi sejak tahun 2002. Dengan pulangan yang lebih tinggi daripada pelaburan dalam sekuriti hutang swasta (PDS) dan aktiviti pemberian pinjaman, pendapatan kasar daripada pelaburan bertambah sebanyak 11.5% kepada RM13.1 bilion. Pulangan daripada pelaburan dalam instrumen hutang dan ekuiti oleh KWSP menyumbang sebanyak 56.1% daripada jumlah pendapatan pelaburan pada tahun 2005. Meskipun prestasi Bursa Malaysia lembap pada tahun 2005, pendapatan daripada pelaburan ekuiti mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 12.8%.

Dari segi komposisi aset kumpulan wang simpanan dan pencen, peruntukan tertumpu pada pelaburan yang menawarkan kadar pulangan yang lebih tinggi. Dengan persekitaran kadar faedah yang rendah secara relatif, pemegangan wang tunai dan aset hampir tunai berfaedah dan bersandarkan faedah, seperti deposit dalam sistem perbankan dan instrumen pasaran wang, dikurangkan. Di samping itu, pemegangan pelaburan berasaskan ekuiti menurun sedikit kepada 22.3% (2004: 23.2%). Walau bagaimanapun, bahagian PDS dan pinjaman terus meningkat, masing-masing kepada 14.9% dan 17.4%. Pada tahun 2005, terbitan PDS bertambah dengan ketara dan perkembangan ini menyebabkan pelaburan yang lebih tinggi dalam PDS oleh kumpulan wang simpanan dan pencen.

Modal Usaha Niaga

Pada tahun 2005, industri modal usaha niaga di Malaysia telah berkembang dengan pesat sebagai

Jadual 8.3
Statistik Utama Industri Modal Usaha Niaga

	Pada akhir tahun 2004	**Pada akhir tahun 2005**
Dana modal usaha niaga (RM juta)	2,266.0	2,589.0
Jumlah pelaburan (RM juta)	1,058.0	1,441.5
Sumber tempatan (RM juta)	887.7	1,179.3
Sumber asing (RM juta)	170.3	262.2
Bilangan syarikat / dana modal usaha niaga	38	48
Bilangan syarikat pengurus dana modal usaha niaga	34	39
Bilangan syarikat penerima pelaburan	332	380
	Sepanjang tahun 2004	**Sepanjang tahun 2005**
Jumlah pelaburan (RM juta)	289.3	431.5
Sumber tempatan (RM juta)	248.4	338.2
Sumber asing (RM juta)	40.9	93.3
Bilangan syarikat penerima pelaburan	139	101

[1]Termasuk aktiviti peluputan

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Graf 8.2
Sumber Modal Usaha Niaga
(% bahagian, pada akhir 2005)



Jadual 8.4
Pelaburan mengikut Peringkat sepanjang 2005

Bilangan Syarikat Penerima Pelaburan	101	
Peringkat Perniagaan	RM '000	% bahagian
Modal benih	11,643.1	2.7
Pembiayaan permulaan	25,116.0	5.8
Pembiayaan peringkat awal	107,276.3	24.9
Pengembangan, pertumbuhan	61,569.0	14.3
Penyambungan, mezzanine, pra IPO	162,204.8	37.6
Pembelian keluar pengurusan	29,664.0	6.9
Pembelian masuk pengurusan	14,700.0	3.4
Penunaian keluar (pembelian sekunder)	1,642.0	0.4
Jenis pelaburan lain	17,748.0	4.1
Jumlah	431,563.2	100.0

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

sumber alternatif bagi pembiayaan kepada ekonomi, dengan peningkatan dalam jumlah dana untuk pelaburan dan tahap penyertaan peserta industri yang lebih tinggi. Jumlah pelaburan daripada sumber tempatan dan asing, bilangan syarikat pengurusan dana modal usaha niaga dan bilangan pelaburan juga bertambah sepanjang tahun 2005. Jumlah dana yang ada untuk pelaburan modal usaha niaga meningkat 14.3% kepada RM2.6 bilion. Kedua-dua pelaburan daripada sumber dalam negeri dan pelaburan daripada sumber asing masing-masing mencatat pertumbuhan yang ketara sebanyak 32.8% dan 54%. Pada akhir tahun 2005, jumlah bilangan syarikat penerima pelaburan bertambah kepada 380 syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak RM1.4 bilion. Dana yang dilaburkan pada tahun itu meningkat 49.2% kepada RM431.5 juta ke dalam 101 syarikat penerima pelaburan (2004: meningkat 27.3% kepada RM289.3 juta ke dalam 139 syarikat penerima pelaburan).

Cradle Investment Program (CIP) yang ditadbirkan dan diurus oleh Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP), terus menyediakan pembiayaan modal prabenih dan sokongan keusahawanan kepada usahawan yang mempunyai komitmen untuk membangunkan dan mengkomersialkan idea mereka. Pada akhir tahun 2005, jumlah geran yang diluluskan ialah RM7.5 juta dan telah diberikan kepada lebih daripada 150 penerima. Dengan tumpuan utama pelaburan CIP pada inovasi teknologi, kebanyakan dana adalah untuk idea yang berkaitan dengan sektor ini, seperti pembangunan perisian, barangan pengguna/perniagaan dan e-perkhidmatan. Strategi

Graf 8.3
Pelaburan Terkumpul mengikut Peringkat (% bahagian)



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Graf 8.4
Pelaburan pada tahun 2005
(% bahagian daripada jumlah)



perkongsian CIP dengan rakan kongsi industri yang terselaras dan tidak terselaras, yang termasuk pelbagai rakan komuniti teknologi dan pelaburan, membolehkan program itu berkembang sebagai sumber aliran urus niaga baru bagi firma modal usaha niaga dan firma ekuiti swasta, dan juga syarikat lain. Pelaksanaan melalui Cradle's Ideas Bank memperkukuh rangkaian antara penerima geran CIP dengan komuniti yang melabur dan media. Ini penting terutamanya untuk menyediakan publisiti dan kesedaran mengenai kejayaan yang menambahkan pendedahan untuk rakan kongsi CIP.

Jadual 8.5
Pelaburan Terkumpul Modal Usaha Niaga mengikut Sektor

	Pada akhir 2005	
	RM '000	% bahagian
Teknologi maklumat dan komunikasi	661,189.2	45.9
Perkilangan	292,906.2	20.3
Sains kehidupan	270,574.1	18.8
Pendidikan	59,325.0	4.1
Elektrik, jana kuasa, gas dan air	4,740.0	0.3
Perniagaan borong, runcit, restoran dan hotel	12,024.0	0.8
Perkhidmatan pembiayaan, insurans, harta tanah dan perniagaan	15,963.2	1.1
Pembinaan	100.0	0.0
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	15,970.0	1.1
Lain-lain	108,748.4	7.5
Jumlah	**1,441,540.2**	**100.0**

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

Sebagai salah sebuah daripada beberapa syarikat modal usaha niaga untuk menyediakan pembiayaan benih dan peringkat awal, MAVCAP terus membiayai syarikat sambil mengekalkan tumpuan pelaburan pada ICT berdasarkan mandat yang diberi oleh Kerajaan. Pada tahun 2005, 17 syarikat penerima pelaburan menerima dana daripada MAVCAP. Kebanyakan syarikat penerima pelaburan yang diberi dana oleh MAVCAP adalah dalam urus niaga berkaitan sains hayat, bioteknologi, pertanian dan tenaga yang boleh diperbaharui.

Sejajar dengan usaha Kerajaan membenarkan sektor swasta menerajui pertumbuhan, sumbangan dana bagi pelaburan modal usaha niaga daripada entiti sektor swasta dalam negeri sekali lagi mencatat peningkatan yang ketara sebanyak 20% pada tahun 2005 (2004: 35.1%). Pada tahun itu, dana daripada sumber asing mencatat pertumbuhan tertinggi, diikuti oleh dana daripada entiti bank dan entiti sektor swasta lain. Pada akhir tahun itu, Kerajaan kekal sebagai penyumbang terbesar dana modal usaha niaga.

Dari segi peringkat, pelaburan modal usaha niaga pada tahun 2005 terus tertumpu pada peringkat pengembangan/pertumbuhan, pengantaraan/mezanin/pra IPO dan peringkat awal. Pelaburan ini mewakili lebih daripada 75% daripada semua pelaburan modal usaha niaga pada tahun 2005. Dari segi bahagian, pelaburan pada peringkat lebih berisiko, iaitu peringkat modal benih dan modal permulaan, menurun daripada 12.3% pada tahun 2004 kepada 8.5% pada tahun 2005. Pelaburan pada peringkat lain meningkat sedikit.

Dari segi pelaburan terkumpul mengikut peringkat, peringkat pengembangan/pertumbuhan, pengantaraan/mezanin/pra IPO dan modal permulaan masih merupakan peringkat perniagaan utama yang menerima sejumlah besar pembiayaan modal usaha niaga sejak tahun 2003.

Seperti pada tahun lepas, dari segi pelaburan mengikut sektor, sektor teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), sektor sains hayat dan sektor perkilangan terus menerima pembiayaan terbesar. Secara keseluruhan, jumlah modal usaha niaga dalam ketiga-tiga sektor ini mencakupi 85.7% daripada jumlah pelaburan yang dibuat pada tahun 2005 (2004: 77.3% daripada jumlah pelaburan). Dari segi saiz dana terkumpul pada akhir tahun 2005, sektor yang menerima pelaburan modal usaha niaga terbesar ialah sektor ICT (49.4% daripada jumlah), sektor sains hayat (21.1%) dan sektor perkilangan (15.2%). Ketiga-tiga sektor, apabila digabungkan, mencakupi sebanyak RM1.2 bilion atau 85% daripada jumlah dana yang dilaburkan. Pada

tahun 2005, dana modal usaha niaga dalam negeri tertumpu pada sektor ICT (53.6%), perkilangan (17%) dan sains hayat (11.1%), sementara pelaburan dana modal usaha niaga asing tertumpu pada sektor sains hayat (57.4%), ICT (34.1%) dan perkilangan (8.5%). Peralihan dalam pilihan pelaburan yang nyata seperti yang pernah dialami pada tahun 2004, terus dialami pada tahun 2005. Kebanyakan pelaburan modal usaha niaga daripada sumber dalam negara lebih tertumpu pada sektor ICT, iaitu peralihan daripada tumpuan yang diberikan sebelumnya iaitu pada sektor perkilangan, sementara dana modal usaha niaga asing terus tertumpu kepada sektor sains hayat.

Pertumbuhan industri modal usaha niaga meningkat dengan ketara untuk menyokong pendanaan yang mapan bagi sektor pertumbuhan baru dan juga sebagai sumber alternatif bagi pembiayaan ekonomi. Walaupun begitu, sementara banyak inisiatif yang diambil untuk mewujudkan pembiayaan alternatif dalam bentuk ini, ruang bagi penambahbaikan seterusnya adalah masih luas. Pembangunan industri modal usaha niaga perlu terus dipelbagaikan untuk memenuhi keperluan pembiayaan penerima pelaburan yang berpotensi di peringkat benih.

Industri Amanah Saham

Industri amanah saham terus berkembang pada tahun 2005, dengan pelancaran lebih banyak dana baru dan pertambahan bilangan unit dalam edaran. Nilai aset bersih industri terus berkembang 12.7% dan mencakupi 14.2% daripada jumlah permodalan pasaran ekuiti pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: 12.1%). Pada tahun itu, sejumlah 51 dana amanah saham baru dilancarkan (62 pada tahun 2004), menambahkan bilangan dana kepada 332 pada akhir tahun 2005 (281 pada akhir 2004). Pertambahan yang mapan dalam bilangan amanah saham yang dilancarkan mencerminkan keyakinan yang berterusan terhadap amanah saham sebagai satu instrumen pelaburan untuk mengakses portfolio yang lebih pelbagai. Jualan kasar unit kekal tinggi sepanjang tahun 2005 dengan peningkatan sebanyak 25.3% (33.4% pada tahun 2004). Meskipun terdapat kadar pembelian balik yang secara relatif lebih tinggi pada tahun 2005, industri ini mencatat jualan bersih tahunan yang mantap sebanyak RM14.9 bilion atau 18.2% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya (RM12.6 bilion atau 81.9% pada tahun 2004).

Berkuat kuasa 1 April 2005, aras ambang untuk melabur dalam dana di luar negeri oleh syarikat amanah saham telah dinaikkan daripada 10% kepada 30% daripada jumlah nilai aset bersih kesemua dana pemastautin yang diuruskan oleh sesebuah syarikat amanah saham. Hasilnya, lebih banyak dana global ditubuhkan pada tahun 2005. Daripada 51 dana amanah saham baru yang dilancarkan pada tahun itu, 13 merupakan dana global yang ditubuhkan untuk pelaburan dalam sekuriti asing, sama ada secara langsung ataupun melalui hubungan dengan dana amanah saham asing.

Usaha yang berterusan untuk menggalakkan lagi pembangunan industri amanah saham Islam telah membawa kepada pertumbuhan positif yang berterusan dari segi nilai aset bersih bagi industri itu. Pada tahun 2005, sejumlah 12 dana Islam baru dilancarkan (15

Graf 8.5
Industri Unit Amanah - Nilai Aset Bersih, Unit dalam Edaran dan Bilangan Dana



Graf 8.6
Industri Unit Amanah - Jualan Kasar, Pembelian Balik dan Jualan Bersih



Graf 8.7
Unit Amanah Islam - Nilai Aset Bersih, Unit dalam Edaran dan Bilangan Dana



pada tahun 2004), menjadikan jumlah dana Islam 77 kesemuanya. Nilai aset bersih dana Islam, yang meningkat 25.5%, mencakupi 8.6% daripada jumlah nilai aset bersih industri amanah saham pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: 7.7%).

Kerajaan telah mengambil langkah lanjut bagi mempercepat pembangunan Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) yang dinamik dan kompetitif di Malaysia. Garis Panduan REIT telah disemak oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti, bertujuan untuk menarik minat peserta baru dan meningkatkan kesedaran di kalangan peserta industri tempatan dan pemilik/pemaju harta tanah tentang manfaat penubuhan REIT. Pada akhir tahun 2005, tiga REIT telah berjaya disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia, menjadikan jumlah bilangan REIT yang disenaraikan kepada enam, sementara satu lagi REIT masih belum tersenarai. Peneriman REIT sebagai satu instrumen tambahan bagi pelabur setakat ini cukup menggalakkan. Jumlah urus niaga bagi REIT yang tersenarai di Bursa Malaysia meningkat dengan ketara kepada RM341.6 juta pada tahun 2005 (RM11.8 juta pada tahun 2004).

Untuk membangunkan lagi pembangunan industri amanah saham Malaysia, Kerajaan terus berusaha mencari jalan untuk mewujudkan persekitaran dalam negara yang sesuai untuk memaksimumkan potensi bagi industri amanah saham. Suruhanjaya Sekuriti secara berterusan mengeluarkan garis panduan bagi produk baru dan menyemak peraturan bagi dana penghantar, dana bagi dana-dana dan dana borong bagi menggalakkan penyertaan yang lebih meluas di kalangan pelabur runcit dan institusi. Beberapa sekatan atas pelaburan telah ditarik balik untuk memberi lebih kefleksibelan kepada pengurus dana amanah saham untuk melabur dalam pelbagai instrumen yang bakal menyediakan pelabur dengan spektrum mandat risiko-pulangan yang meluas.

Tahap penembusan, seperti yang diukur oleh nisbah nilai aset bersih industri amanah saham kepada modal pasaran ekuiti, meningkat kepada 14% daripada 12% pada tahun 2004. Walaupun nisbah ini kekal rendah berbanding dengan negara yang mempunyai sistem kewangan yang lebih matang, ia menunjukkan peluang bagi industri amanah saham untuk berkembang maju sebagai instrumen pelaburan yang penting bagi pelabur Malaysia.